



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada :** Warga LGM  
**Daripada :** Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan :** LGM/KP/UPSM/A/0047 ( 1 )  
**Tarikh :** 19 Februari 2020

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Lembaga Getah Malaysia bagi tahun 2020 telah ditetapkan seperti jadual terlampir. Peperiksaan perkhidmatan dilaksanakan untuk mana-mana pegawai/pengkhidmat yang belum disahkan dalam perkhidmatan bagi memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Peperiksaan dibuat secara *open-book* dan kelas panduan akan diadakan untuk Pegawai dan Pengkhidmat yang terlibat.

3. Peperiksaan ini diadakan setiap sekali (1) setahun dan terbuka kepada semua skim perkhidmatan untuk Gred 19, 29 dan 41. Pegawai dan Pengkhidmat yang ingin menduduki peperiksaan perkhidmatan hendaklah memajukan permohonan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM) dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah dilengkapi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya **sebelum atau pada 6 Mac 2020 (Jumaat) seperti alamat di bawah**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup yang ditetapkan, tidak akan diterima.

**Unit Pembangunan Sumber Manusia  
Lembaga Getah Malaysia  
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli (Menara)  
148 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur**

4. Borang permohonan boleh didapati di laman web portal UPSM <http://www3.lgm.gov.my/upsm>. Sila ambil perhatian bahawa format serta sukatan peperiksaan akan dimaklumkan semula kepada calon-calon peperiksaan.

5. Untuk makluman, jika terdapat perubahan tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini, tuan/puan akan dimaklumkan kemudian.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**



**(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)**

s.k            Ketua Pengarah  
                 Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
                 Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
                 Pengarah – Pengarah Bahagian  
                 Rektor AHM  
                 Ketua Unit Pentadbiran  
                 Ketua Unit Kewangan dan Akaun